

Pelapis majukan ekonomi

23 APR 2002

Oleh ASUKI ABAS

MELAKA 22 April — Rancangan pelapis yang diterap oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sejak mula menjadi Perdana Menteri akan memastikan ekonomi Malaysia terus bergerak lancar ke arah negara maju berlandaskan pendekatan yang digariskannya.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamed berkata, Dr. Mahathir telah mengenalkan pendekatan pembangunan yang sistematik dan berdisiplin sejak 1981 dan ia telah tertanam di dalam diri setiap rakyat Malaysia.

“Menteri-menteri dan jentera pentadbiran kerajaan telah selari pemikiran mereka dengan pendekatan Dr. Mahathir, pendek kata kita semua telah diinstitusikan.

“Kita semua memahami matlamat tersebut dan sudah terbiasa dengan cara-

nya, jadi kita mampu menangani apa sahaja dengan cara yang dikehendakinya,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi soal jawab selepas membentangkan kertas kerja pada Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad di Hotel Golden Legacy di sini hari ini.

Menurut Mustapa, Perdana Menteri telah menerapkan ciri-ciri disiplin dan sistematik semasa memperkenalkan sistem kad peraka waktu bagi kakitangan kerajaan pada tahun 1981.

“Ramai yang marah pada waktu itu kerana kita mempunyai budaya pemalas, kita mahu bekerja dua tiga jam sehari tetapi mahu dibayar gaji untuk lapan jam.

“Sekarang budaya leka ini sudah tidak ada dan kita sudah bertukar minda,” katanya.

Katanya, menteri-menteri kabinet terutamanya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memahami

matlamat Dr. Mahathir dan akan meneruskan pembangunan menggunakan panduan Perdana Menteri.

“Pemikirannya (Abdullah) sama, cuma pendekatan mungkin sedikit berbeza.

“Lagipun menteri-menteri lain sudah diinstitusikan dan jentera pentadbiran kerajaan sudah cekap serta mampu menangani apa sahaja,” ujarinya.

Beliau berkata, Dr. Mahathir melihat sesuatu perkara dari sudut pandangan jangka panjang dan tidak pernah mempedulikan pandangan orang luar kerana beliau merupakan orang yang berani membuat perhitungannya melalui kajian yang teliti.

Keberaniannya itu, tambahannya, telah menyelamatkan Malaysia daripada menjadi mangsa krisis kewangan pada tahun 1997/1998 yang menyaksikan banyak negara lain tunduk kepada dunia Barat.

“Kita dinasihatkan oleh

Dana Kewangan Antarabangsa untuk menaikkan kadar faedah dan berjimat cermat, jadi kami berdebat dengannya bahawa rancangannya (penurunan kadar kaedah dan belanjawan berkembang) akan membawa banyak keburukan.

“Beliau lakukan juga rancangannya itu, tetapi hanya selepas berdebat dengan kami selama lebih lapan bulan dan mendapatkan pandangan pakar-pakar,” katanya.

Mustapa berkata, antara strategi terbaik Dr. Mahathir dalam mengurangkan jurang antara orang kaya dan miskin ialah dengan meningkatkan pendapatan golongan bawahan terutamanya di bandar.

“Sekarang ini beliau memberikan perhatian yang lebih kepada golongan miskin di bandar dengan memberikan mereka pendidikan dan latihan kemahiran,” katanya.